

## KONSEP PENTING

Kecemerlangan sahaja tidak mencukupi

23 sebab kenapa pemikiran lemah

Kreativiti, rekabentuk dan penghakiman

Keperluan kepada penubuhan dalam perisian pemikiran

# THINK

## Pengenalan

Walaupun kelihatannya lebih mengikut fesyen berfikir hijau [green], berfikir 'grey' [grey matter] adalah lebih mendesak. Ini disebabkan kualiti pemikiran yang rendah telah tidak dapat menyelesaikan permasalahan yang dihadapi dunia ketika ini. Ambil contoh konflik Palestin - Israel yang telah berlanjutan lebih dari 60 tahun walaupun rantau itu dihuni oleh penduduk yang mempunyai tahap kecerdasan yang tinggi. Ada pendapat menyarankan yang emosi adalah lebih penting kerana ia akan menghalakan tindakan. Ini terbukti salah dalam kes lombong platinum Karee di South Africa dimana pertelingkahan antara kaum berlaku sebanyak 210 setiap bulan. Pekerja lombong ini terdiri dari tujuk puak yang sering bertelingkah sejak berkurun yang lalu. Pengarang buku ini telah mendedahkan mereka kepada "perceptual thinking" dan Berjaya mengurangkan kadar pertelingkahan kepada 4 sebulan. Apa yang menarik adalah pekerja tersebut buta huruf dan tidak pernah melalui pendidikan secara formal. Pendekatan baru ini lebih menekankan tentang persepsi dan bukannya logik. Ternyata logik tidak dapat mengubah emosi dan perlakuan.

## Keperluan kepada Perubahan Dalam Perisian Pemikiran (Thinking Software)

Dianggarkan seramai 50,000 orang yang merangka perisian komputer didunia ini. Malangnya perisian pemikiran masih diperingkat awal - tidak berubah sejak 2400 tahun yang lalu bila ia mula diperkenalkan oleh GG3 [Greek Gang of Three] iaitu Socrates, Plato dan Aristotle. Dizaman renaissance pemikiran Greek ini tersebar meluas di Eropah yang selama itu dikuasai oleh gereja. Pemikiran ini berasaskan hujahan, kebenaran dan logik. Oleh kerana pemikiran ini terbukti berkesan dalam sains dan teknologi sehingga kita berpendapat yang ianya sempurna, lengkap tanpa memerlukan sebarang perubahan.

Kecewa dengan tanggapan yang salah yang pemikiran boleh dikumpulkan bersama dengan falsafah dan saikologi, pengarang telah membangunkan apa yang boleh dianggap sebagai perisian baru pemikiran. Berpandukan pengalaman beliau dalam perubatan dan saikologi pengarang membentuk prinsip "self-organizing system". Beliau mengaplikasikan prinsip ini kepada jaringann neural didalam otak bagi memahami bagaimana minda berfungsi. Konsep ini diterangkan dalam buku beliau "The Mechanism of Mind" yang ditulis dalam tahun 1966 dimana terbentuk alatan Lateral Thinking.

Pengarang mengakui yang pencapaian dalam sains dan teknologi adalah hasil dari pemikiran yang cemerlang tetapi ini tidak dilanjutkan dalam bidang yang lain. Kebanggaan kita akan keberkesanan cara pemikiran ini menyebabkan kita terlalu berpuas hati. Kita masih cuba menyelesaikan sebarang konflik melalui penilaian [judgement] dan bukannya mereka bentuk haluan kehadapan. Pengarang berpendapat budaya berfikir, cara dan tabiat kita memang cemerlang tetapi tidak mencukupi. Kita perlu melengkapkannya dengan pemikiran kreatif [creative thinking], "design thinking" dan "perceptual thinking". Bagaimanapun tabiat pemikiran tradisi kita memerlukan kita membuktikan cara itu tidak baik sebelum kita mencadangkan sebarang perubahan. Adalah sukar untuk mengakui yang yang sesuatu perkara itu cemerlang dan menyarankan perubahan walaupun kecemerlangan itu tidak mencukupi.

### Hasil Kerja Pengarang.

Melangkau 40 tahun dan merentasi sempadan 73 negara, Pengarang telah membentuk beberapa teknik pemikiran yang terbukti berkesan. Antaranya ialah Six Hats, Lateral Thinking, CoRT [Cognitive Research Trust]. Keberkesanan teknik beliau terlalu banyak untuk diterangkan, memadai dikatakan yang pengaruh beliau begitu meluas dari Negara ke korporat, sukan dan sekolah. Apa yang lebih penting adalah teknik beliau mudah dan mempunyai nilai praktikal.

## Kreativiti

Lazimnya kita menambahkan informasi kepada apa yang telah sedia ada dan ada ketikanya kita perlu berpatah balik dan menyusun semula apa yang kita ada. Ini adalah kreativiti. Dalam dunia perdagangan bebas faktor pembeza adalah kreativiti dan ini digunakan untuk membuat produk baru, perkhidmatan baru yang mempunyai nilai tambah. Percambahan Minda [Brainstorming] Untuk Kreativiti. Cara ini berasal dari industri periklanan sebagai pendekatan formal untuk kreativiti. Percambahan minda mempunyai nilainya tetapi ia merupakan proses yang lemah berbanding dengan beberapa alatan formal Lateral Thinking. Dengan hanya menghapuskan batasan dan menggantung penilaian tidak mencukupi. Proses tradisi pencambahan minda memberi gambaran yang pencetusan idea yang banyak akan menghasilkan satu idea yang menepati sasaran.

### Kreativiti: Bakat atau Kemahiran?

Sekiranya kreativiti adalah bakat yang dilahirkan, kita boleh mencarinya, memupuk, membangunkan dan menggalakkannya. Sekiranya ia kemahiran, ia boleh dipelajari oleh semua orang, mengamalkannya dan mengaplikasikan. Tentunya setengah orang akan lebih mahir dari yang lain. Jika kita melakukan apa-apa tentang kreativiti tentunya keupayaan kreativiti bergantung kepada bakat semulajadi. Tetapi jika diberikan latihan, teknik yang berstruktur dan sistematik kita dapat meningkatkan tahap umum keupayaan kreativiti. Setengah orang mungkin lebih baik dari yang lain tetapi ia memberi peluang kepada

kita telah mempunyai jawapan yang betul. Begitu juga bila kita menolak sesuatu perkara itu sebagai salah kita menganggap apa yang perlu kita pelajari dari kesalahan. Kita seharusnya belajar dari operasi mental “gerakan” dan menggunakannya selain dari penilaian. Penilaian yang tegas tentang betul/salah telah memerangkap kita kepada masa lepas dan rangkabentuk kita dan konsep sedia ada. Kita harus membuang kecenderungan mengenalpasti perkara kepada betul/salah yang menghalang kreativiti kita.

## Nilai

Pemikiran tanpa nilai tidak bermakna dan tidak mencapai sesuatu. Nilai tanpa pemikiran bertanggungjawab dalam perkara yang buruk berlaku. Kita selalu mengandaikan yang mereka yang mempunyai nilai yang berlainan atau tidak berkongsi nilai dengan kita adalah salah. Terlalu sedikit perhatian kepada nilai walaupun ia penting bagi pemikiran. Kita juga cenderung mengandaikan yang setiap orang akan mengenali nilai yang penting bagi mereka.

### Kebenaran [Truth]

Tanggapan kita kebenaran adalah lebih penting dari nilai dalam pemikiran. Jika kita mengikut “jalan yang benar” nilai akan datang dengan sendirinya. Kebenaran memang penting begitu juga nilai. Kebenaran itu sendirinya tidak mencukupi seperti penemuan saintifik yang perlu menjadi aplikasi praktikal, kebenaran perlu diubah menjadi nilai. Setelah kita mengenali nilai, kita boleh menelitinya secara khusus. Kita memerlukan rangkabentuk untuk membezakan satu nilai dari yang lain. Untuk itu pengarang telah membina rangkabentuk dalam bukunya “The Six Value Model” untuk membezakannya.

### Enam Pingat Nilai [Six Value Medals]

**Pingat Emas [Gold Medal]:** Ini merupakan nilai manusia iaitu termasuk pujian, pencapaian dan signifikasi. Terdapat juga nilai negatif seperti diabaikan atau dimalukan.

**Pingat Perak [Silver Medal]:** Ini adalah nilai organisasi. Bagi entiti perniagaan ini dalam bentuk keuntungan, syer pasaran atau imej jenama. Bagi organisasi politik pula ialah persepsi awam dan jumlah undi. Bagi unit famili adalah kerjasama, ketulusan dan kedamaian.

**Pingat Waja [Steel Medal]:** Ini adalah nilai kualiti. Waja seharusnya mempunyai kualiti seperti kekuatan dan ketahanan.

**Pingat Gelas [Glass Medal]:** Gelas adalah bahan yang simpel tetapi versatile. Jadi gelas berkaitan dengan inovasi dan kreativiti. Pingat ini melihat kepada idea baru dan saranan baru.

**Pingat Kayu [Wood Medal]:** Pingat ini berkaitan dengan ekologi dan persekitaran

**Pingat Gangsa [Brass Medal]:** Ini adalah nilai yang dijangkakan dan biasanya penting tetapi selalu diabaikan.


Nilai jangkaan tidak semestinya berkait dengan nilai sebenar.

### Pencarian, Pengenalan dan Penilaian

Bila kita telah dapat membezakan nilai yang berlainan kita dapat mencari setiap nilai itu dalam setiap keadaan. Setengah perubahan dicadangkan. Apakah kesannya bagi setiap pingat nilai? Kita boleh melihat akibat perubahan bagi setiap pingat nilai. Dalam menilai sesuatu keadaan kita boleh memilih dan menilai setiap nilai. Setelah kita melihat setiap nilai dengan jelas kita dapat menentukan kekuatan dan kepentingannya. Ini tidak mungkin dapat dilakukan jika semua nilai itu bercampur aduk dan dilihat dengan samar.

### Kenapa Enam Pingat Nilai dan Enam Topi Pemikiran?

Dari bidang saikologi kita mengetahui yang otak kita boleh menerima maksima tujuh perkara pada setiap masa. Jika lebih dari itu otak kita akan mula membahagikannya kepada beberapa pecahan. Jadi dari segi persepsi tujuh adalah nombor maksima untuk dikategorikan.



#### Pengarang:

Sejak penerbitan buku beliau ‘The Use of Lateral Thinking’ dalam tahun 1967, idea radikal Edward De Bono’s yang pemikiran kreatif adalah kemahiran yang boleh dipelajari telah tersebar melalui 50 buku, program TV, syarahan di sektor korporat dan awam seluruh dunia. Beliau mengajar di universiti-universiti Oxford, London, Cambridge dan Harvard. De Bono adalah pakar terkemuka dalam kemahiran berfikir di dunia.

Penerbit: Vermillon an imprint of Ebury Publishing  
ISBN: 9780091924096,  
258 Pages, 2009, RM 65.90